

Oleh **ADHAM SHADAN**

ISU

Kerencanakan pelancongan tingkat ekonomi negara

SEKTOR pelancongan di negara ini dijangka meriah pada tahun ini. Dipacu dengan pelaksanaan Tahun Melawat Pahang, Perak dan Terengganu, jumlah kedatangan pelancong pada tahun 2017 dijangkakan meningkat sebanyak 4.3 peratus kepada 31.8 juta.

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati Samsudin berkata, inisiatif yang selaras dengan kempen Cuti-Cuti Malaysia Dekat Je itu dilihat mampu menarik pelancong dari dalam dan luar negara.

Ujarnya, kedatangan pelancong ke Pahang, Terengganu dan Perak bukan sahaja memberi impak positif pada sektor pelancongan negeri berkenaan dan kegiatan ekonomi masyarakat tempatan tetapi juga pada negara.

Beliau juga berkata, perbelanjaan pelancong pada tahun ini juga dijangka meningkat kepada kira-kira RM118 bilion dan ia secara tidak langsung merencanakan sektor pelancongan negara.

Ketiga-tiga negeri itu juga nampaknya agresif mempromosikan negeri-negeri masing dan sudah memberi bayangan itu seawal Januari ini.

Bisnes

Kerajaan negeri Pahang dilaporkan memperkenalkan aplikasi Visit Pahang Malaysia bagi memudahkan pelancong mendapat maklumat dan penerangan destinasi pelancongan popular.

Di Terengganu, lebih 3,000 pelancong antaranya dari China, Thailand dan Asia Barat mula membanjiri bandar Kuala Terengganu manakala Perak sudah mengeluarkan kenyataan bakal menerima kedatangan 420 pelancong antarabangsa pada minggu pertama Tahun Melawat Perak.

Penganalisis ekonomi dari Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Dr. Baayah Baba menerangkan kerancangan industri pelancongan itu membantu memperbaiki ekonomi sesebuah negara.

"Selain ekonomi sesebuah negara itu pulih dengan usaha-



KEHADIRAN pelancong yang ramai ke Malaysia dapat membantu meningkatkan ekonomi negara. - Gambar hiasan

usaha memantapkan pengurusan ekonomi negara itu sendiri, kedatangan pelancong-pelancong juga adalah satu jalan lain untuk memperbaiki ekonomi.

"Apabila pelancong datang, ia bermakna membawa bisnes ke sesebuah negara. Mereka akan menginap di hotel kita dan beli-belah barangan kita. Ia akan membantu ekonomi misalnya dengan meningkatkan pengeluaran sesebuah negara sekali gus meningkatkan kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara itu," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambahnya, pelancongan juga akan membantu pengukuhan nilai mata wang sesebuah negara memandangkan permintaan terhadap mata wang tersebut meningkat di pasaran.

"Pada masa ini ringgit contohnya sedang mengalami susut nilai. Apabila pelancong dari luar negara hendak melancong ke negara ini, mereka perlu memiliki mata wang Malaysia iaitu ringgit. Maka, permintaan ringgit akan meningkat di pasaran antarabangsa akan membantu meningkatkan atau

mengukuhkan ringgit," katanya.

Imej

Justeru katanya, semua pihak perlu bersama-sama menjayakan sektor pelancongan dengan memelihara imej Malaysia agar sentiasa menarik minat pelancong.

"Orang ramai perlu sama-sama menjaga imej negara dengan menjaga kebersihan. Pemandu teksi perlu berintegriti dengan tidak mengenakan caj berlembifan dan peniaga pula tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang.

"Rakyat jangan lagi banyak bertelagah dalam aspek politik dan mereka perlu mempamerkan kestabilan di negara ini. Siapa yang mahu datang ke negara yang sentiasa bercakaran dan bertelagah?" soalnya.

Timbalan Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Mohd. Azlan Shah Zaidi berkata, ekonomi umpama satu kitaran dan keunikannya perlu difahami.

"Nilai mata wang itu boleh naik dan susut nilainya. Tidak bermakna, nilai mata wang itu

perlu sentiasa naik. Apabila nilai mata wang kita susut, rakyat Malaysia mungkin terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi untuk ke luar negara tetapi ia menggalakkan orang dari luar ke negara kita dan permintaan kepada mata wang kita meningkat.

"Apabila nilai mata wang kita lebih rendah ia menjadikan ekonomi kita lebih kompetitif. Harga barang kita lebih murah bagi pelancong luar dan mereka boleh berbelanja lebih banyak di negara kita sekali gus akan kembali meningkatkan ekonomi negara dan mata wang kita. Ia sebagai kitaran, itulah uniknya ekonomi.

Namun, keadaan akan menjadi buruk sekiranya ekonomi sesebuah negara itu terjejas dan masyarakat luar pula enggan atau mengelak daripada melancong ke negara itu.

"Memang jadi masalah jika ekonomi negara itu jatuh dan orang pula tidak mahu melancong ke negara itu misalnya dilabel pengganas atau ada pihak yang memburukkan nama negara itu dan sebagainya. Itulah sebabnya imej sebuah negara amat penting," tegasnya.



BAAYAH



MOHD. AZLAN